



## **JABATAN PERDANA MENTERI**

**GARISPANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN KELUAR NEGERI BAGI**  
**RAKYAT DAN PENDUDUK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**MELALUI DARAT ATAU LAUT**  
*(TARIKH KEMASKINI: 21 APRIL 2022)*

### **PENDAHULUAN**

1. Garispanduan ini adalah bagi permohonan kebenaran keluar negeri bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berhasrat membuat perjalanan mustahak keluar negara melalui **DARAT** atau **LAUT** semasa sekatan perjalanan dilaksanakan di waktu pandemik.
  
2. Tegahan keluar negeri telah mula dikuatkuasakan mulai pada 16 Mac 2020 bagi:
  - 2.1 Warganegara Negara Brunei Darussalam;
  - 2.2 Penduduk Tetap;
  - 2.3 Warganegara Asing yang memegang pas imigresen yang sah; dan
  - 2.4 Suami/ Isteri dan anak kepada 1.1, 1.2 dan 1.3 yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam dan memegang pas imigresen (bagi warganegara asing).
  
3. Garispanduan ini akan dikemaskini dari masa ke semasa berasaskan penelitian dasar-dasar perjalanan keluar dan masuk negara. Pemohon adalah dinasihatkan untuk bagi mendapatkan maklumat terkini melalui kenyataan-kenyataan media di laman web Jabatan Perdana Menteri [www.pmo.gov.bn/travelportal](http://www.pmo.gov.bn/travelportal)



## **JABATAN PERDANA MENTERI**

### **PENILAIAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**

4. Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam adalah **ditegah** untuk keluar negeri melalui perjalanan darat atau laut **kecuali** bagi keadaan / tujuan yang mendesak antarlain seperti berikut:

#### **A. MEMERLUKAN KEBENARAN JABATAN PERDANA MENTERI:**

- 4.1 Keperluan untuk **menghadirkan diri di luar negeri bagi sebutan kes atau perbicaraan atas perintah mahkamah luar negeri** untuk menghadapi pertuduhan kes jenayah, atau sebagai saksi (merangkumi jenayah di bawah Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil) dengan pengesahan pihak berkenaan dalam atau luar negeri;
- 4.2 Keperluan untuk mendapatkan **perkhidmatan rawatan perubatan di luar negeri yang mendesak dengan pengesahan** Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam;
- 4.3 Melanjutkan **pengajian di luar negara dengan pengesahan** pihak berkenaan dalam atau luar negeri. Rakyat dan penduduk tetap juga dikehendaki untuk mendapatkan pengesahan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, samada pengajian dibiayai oleh pihak Kerajaan mahupun lain-lain sumber pembiayaan; dan
- 4.4 Warganegara dan penduduk Brunei (pemegang Kad Pengenalan Kuning, Ungu dan Hijau) yang **tinggal di luar Negara Brunei Darussalam dan berulang-alik untuk bekerja di negara ini melalui jalan darat** ATAU sesiapa yang **tinggal di negara ini dan berulang-alik**



## JABATAN PERDANA MENTERI

untuk bekerja di luar negeri melalui jalan darat. Walau bagaimana pun perkara ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Menjalankan ujian SARS-CoV2 RT-PCR setiap tiga 14 hari.

**Kebenaran keluar negeri selama tiga puluh (30) hari sahaja** akan diberikan dan permohonan perlu dihadapkan semula jika perlu.

(Sila ambil maklum bahawa pertimbangan kebenaran bagi para 4.4. adalah ditangguhkan pada masa ini)

- 4.5 **Syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk keluar negeri** bagi tujuan mengangkut dan menghantar barangan kepunyaan syarikat-syarikat yang berdaftar ataupun barangan persendirian, menggunakan kenderaan komersil berdaftar yang bersesuaian. Kebenaran untuk tempoh **tiga bulan bagi penghantaran *point-to-point*** akan diberikan, tertakluk kepada jenis dan bentuk barangan, peraturan-peraturan kesihatan dan permohonan perlu dihadapkan semula jika perlu. Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh didapati dalam “**Garis panduan bagi *Transport Operators* Keluar dari Negara Brunei Darussalam Semasa Situasi COVID-19**” di <http://www.pmo.gov.bn>. Petugas *Transport Operator* adalah diperlukan untuk memenuhi syarat-syarat vaksinasi COVID-19 dan menjalani ujian Antigen Rapid Test (ART) sekurang-kurangnya dua kali seminggu yang dilaporkan melalui aplikasi BruHealth untuk dihadapkan kepada pihak berkuasa di pos-pos kawalan.
- 4.6 **Warganegara asing yang memegang pas pekerjaan dan berhasrat untuk mengambil cuti kontrak** hendaklah menghadapkan permohonan melalui



## **JABATAN PERDANA MENTERI**

majikan / syarikat masing-masing. Permohonan hendaklah disertakan dengan rekod vaksinasi COVID-19 dan surat sokongan majikan.

- 4.7 Individu yang membuat perjalanan atas sebab-sebab kepentingan **kekeluargaan** hendaklah menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang mengesahkan sebab-sebab mendesak perjalanan.

### **B. TIDAK PERLU DIPOHONKAN UNTUK KEBENARAN JABATAN PERDANA MENTERI:**

- 4.8 Mana-mana **warganegara asing yang memegang Pas-Pas Imigresen dengan tempoh tinggal yang pendek di negara ini dan bukannya pemegang kad pengenalan hijau** yang terdiri daripada Pas Lawatan, Pas Penuntut, Pas Profesional Visit, Business Visit, Special Authorization Work Pass yang hendak keluar negara dan **pulang ke negara asal.**; dan
- 4.9 Mana-mana **warganegara asing yang mempunyai Pas Kerja yang akan ditamatkan kontreknya oleh majikan di negara ini dan hendak pulang ke negara asal** memadailah dapat menunjukkan bukti pembatalan Pas Pekerjaan di pos-pos kawalan Negara Brunei Darussalam.
5. Mulai 1 Januari 2022, perjalanan keluar negara hanya dibenarkan bagi mereka yang telah melengkapkan vaksinasi COVID-19 dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh perjalanan atau telah mendapatkan dos penggalak, kecuali kanak-kanak dan dewasa berumur di bawah 18 tahun atau yang telah disahkan pulih dari jangkitan COVID-19 di mana tarikh jangkitan adalah dalam tempoh tidak melebihi 6 minggu sebelum perjalanan. Mulai 15 Mei 2022, syarat vaksinasi ini dilaratkan kepada individu berumur 12 ke 17 tahun.



## **JABATAN PERDANA MENTERI**

6. Setiap rakyat dan penduduk tetap yang membuat perjalanan dengan tempoh kurang dari 90 hari adalah dikehendaki untuk mendapatkan insurans perjalanan yang merangkumi perlindungan rawatan COVID-19 pada jumlah minima BND\$50,000, kecuali penduduk tetap yang membuat perjalanan ke negara kerakyatannya atau rakyat Negara Brunei Darussalam yang mempunyai pas/visa imigresen jangka panjang di negara destinasi atas sebab status sebagai tanggungan, penuntut atau berkerja.
7. Bagi menimbangkan permohonan keluar negeri atas alasan yang mustahak, pihak Jabatan Perdana Menteri akan merujuk perkara ini kepada agensi-agensi yang berkepentingan bagi mendapatkan sebarang pandangan dan sokongan mengenainya, jika perlu.

### **TATACARA MEMBUAT PERMOHONAN MELALUI APLIKASI *WEB-BASED***

8. Rakyat dan penduduk yang berhasrat untuk keluar negeri melalui darat atau laut hendaklah membuat permohonan secara *online* di aplikasi *web-based* melalui pautan: <https://www.form.gov.bn/TravelApplicationA/Pages/Travel-Application-Form.aspx>. Pemohon hendaklah memilih borang permohonan yang berkenaan dan memuatnaik dokumen-dokumen sokongan.
9. Setiap permohonan yang dihadapkan akan diberikan kod rujukan dan keputusan permohonan berkenaan akan dimaklumkan melalui emel pemohon.
10. Pemohon bolehlah menyemak status permohonan keluar negeri dan membuat pindaan terhadap maklumat permohonan keluar negeri (misalnya perubahan tarikh keluar negeri bagi permohonan yang telah dihadapkan samada yang telah dibenarkan atau masih dalam penilaian) melalui pautan:



## JABATAN PERDANA MENTERI

<https://www.form.gov.bn/TravelApplicationA/Pages/Travel-Application-Status.aspx> dengan menggunakan nombor rujukan yang telah diberikan.

11. Permohonan yang lengkap hendaklah dibuat secara *online* di aplikasi *web-based* dalam tempoh **sekurang-kurangnya lima (5) hari** sebelum tarikh perjalanan yang dipohonkan.

### KHUSUS BAGI *TRANSPORT OPERATORS* YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

12. Hanya permohonan-permohonan keluar negeri bagi *transport operators* yang berdaftar untuk tujuan mengangkut dan menghantar barangan kepunyaan syarikat-syarikat yang berdaftar ataupun barangan persendirian, menggunakan kenderaan komersil berdaftar yang bersesuaian akan dipertimbangkan untuk kebenaran keluar negeri.
13. *Transport operators* yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam hendaklah mematuhi garis panduan-garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan serta syarat-syarat yang digariskan di dalam “Garis panduan bagi *Transport Operators* Keluar dari Negara Brunei Darussalam Semasa Situasi COVID-19” yang boleh didapati di <http://www.pmo.gov.bn>

### SETELAH MENDAPAT KEBENARAN

14. Setelah mendapat kebenaran, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang keluar negeri hendaklah mendaftar diri secara *online* di laman sesawang



## **JABATAN PERDANA MENTERI**

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri melalui pautan:

[http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister\\_desc.aspx](http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister_desc.aspx)

15. Pemohon yang diberikan kebenaran Exit Travel dinasihatkan untuk menyemak syarat-syarat dan prosedur perjalanan masuk negara yang ditetapkan di negara-negara destinasi seperti ujian-ujian COVID-19 dan syarat vaksinasi.

### **KEMBALI KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BRUNEI DARUSSALAM**

16. Sila ambil maklum bahawa perjalanan masuk negara melalui darat atau laut hanya dibenarkan bagi rakyat dan penduduk tetap yang mana adalah diperlukan untuk melengkapkan Deklarasi Ketibaan E-Health ( [www.healthinfo.gov.bn/travel](http://www.healthinfo.gov.bn/travel) ) dalam tempoh 24 jam sebelum ketibaan dan membuat tempahan penginapan hotel bagi tujuan kuarantin. Setiap individu yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam diperlukan untuk menjalani ujian RT-PCR dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas atau ujian Antigen Rapid Test bersijil dalam tempoh 1 hari sebelum berlepas dan memuatnaik keputusan ujian pada Deklarasi Ketibaan E-Health.
17. Individu yang tiba di negara ini dikehendaki untuk menjalani ujian RT-PCR pada hari Ke-5 selepas ketibaan (hari ketibaan adalah hari Ke-1) dan menjalani pengasingan diri di hotel penginapan atau rumah persendirian sehingga mendapatkan keputusan ujian negatif. Pembayaran untuk ujian ketibaan hendaklah dibuat sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam pada harga \$100 secara dalam talian melalui laman web [www.healthinfo.gov.bn/travel](http://www.healthinfo.gov.bn/travel)
18. Ujian RT-PCR ketibaan boleh dibuat di kemudahan-kemudahan swasta yang boleh didapati di pautan <https://www.pmo.gov.bn/EPG/Perjalanan.aspx>



## **JABATAN PERDANA MENTERI**

19. Individu yang telah dan mempunyai bukti pulih dari jangkitan COVID-19 seperti 'Certificate of Recovery' dikecualikan daripada ujian pra-lepasan, ujian RT-PCR ketibaan dan kuarantin, bagi tempoh 90 hari dari hari jangkitan. Pembayaran \$20 hendaklah dibuat melalui [www.healthinfo.gov.bn/travel](http://www.healthinfo.gov.bn/travel) bagi ujian Antigen Rapid Test (ART) pada hari ketibaan.
-